

Bahagian A

[20 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Arahan: Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

Soalan 1 hingga 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Syahirah _____ Amirul sebuah buku tentang angkasa lepas untuk menambahkan pengetahuannya.
A membelikan C menawarkan
B menyerahkan D menghadiahkan
2. Remaja itu berbangga kerana _____ berkenan untuk mengurniakan bintang kebesaran kepadanya atas baktinya.
A beta C hamba
B patik D baginda

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



3. Kita mestilah menghormati lagu kebangsaan dan berdiri _____ ketika lagu itu berkumandang.
A kuat C tegak
B tegap D kemas
4. Para penonton berasa kagum akan _____ peserta-peserta pertandingan forum itu berbicara.
A kepetahan C kelincahan
B ketangkasan D kecekapan
5. Murid itu menyiapkan tugasnya dengan _____ kerana tidak sihat.
A liuk lentok C lemah longlai
B duka lara D belas kasihan

Soalan 6 hingga 9

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu ditanda dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

6. Pasu bunga di rumah harus diperiksa tiap minggu bagi mengelakkan nyamuk aedes membiak. Tiada kesalahan
A B
C D
7. Mira dijangka tiba di stesen bas itu pada pukul tiga setengah petang. Tiada kesalahan
A B
C D
8. "Pokok kelapa-pokok kelapa itu sangat tinggi," kata Pak Din kepada anaknya. Tiada kesalahan
A B
C D
9. Sumbangan yang diperolehi daripada orang ramai itu akan digunakan untuk membina sebuah jambatan. Tiada kesalahan
A B
C D

Soalan 10 hingga 11

Pilih ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

10. I Penyakit selesema burung mampu menyebabkan kematian burung-burung domestik dalam masa yang *singkat*.
II Kami berjaya menyudahkan tugas ini walaupun masa yang diberikan terlalu *singkat*.

- III Keuntungan syarikat itu yang singkat menyebarkan pengaruh urusannya tidak berpuas hati.
- IV Hubungan persahabatan mereka menjadi singkat keranajak mereka berbantak-bantak dalam lompas.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
11. I Lelutanan Zul membori isyarat kepada anak buahnya untuk menyerah musuh.
II Wanita yang dikohondaki polis atas kosulahan monculik itu akhirnya menyerah diri.
III Janganlah lekas menyerah nasib kepada takdir apabila menghadapi masalah.
IV Akhirnya Fakrul menyerah kepada komahuan ayahnya.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 12 hingga 13

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

12. Apa yang diperkatakan oleh Samad itu tidak benar.
- A Apa-apa yang Samad perkatakan
B Apa-apa yang diperkatakan oleh Samad
C Apa yang Samad perkatakan
D Apa yang diperkatakan oleh Samad
13. Suasana di kebanyakan pasar raya menjelang hari perayaan sangat riuh-rendah dengan suara pengunjung.
- A sangat riuh
B sangat rendah
C tersangat riuh-rendah
D sangat riuh-rendah

Soalan 14

Pilih ayat-ayat yang betul.

14. I Ibu membuat ayah secawan kopi.
II Ayah membeli adik sebuah buku cerita.
III Kari ikan itu kauhidangkan kepada tetamu kita.
IV Penduduk kampung mendirikan rumah itu secara gotong-royong.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 15

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

15. Larangan memburu beberapa jenis haiwan liar adalah untuk memastikan haiwan tersebut tidak mengalami kepupusan.
- A Beberapa jenis haiwan liar tidak boleh diburu supaya haiwan tersebut tidak mengalami kepupusan.
B Beberapa jenis haiwan liar yang dilarang untuk diburu telah mengalami kepupusan.
C Beberapa jenis haiwan liar tidak dibenarkan untuk diburu kerana haiwan tersebut sedang mengalami kepupusan.
D Untuk memastikan beberapa jenis haiwan liar tidak mengalami kepupusan, pemburu diingatkan supaya tidak berburu.

Soalan 16

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

16. Sikap tergesa-gesa pasti mengundang malapetaka jika tidak berhati-hati ketika berada di jalan raya. Situasi ini sesuai dengan peribahasa yang berikut:
- A Bagai gembala diberi keris
B Bagai duri dalam daging
C Biar lambat asal selamat
D Biar titik jangan tumpah